

NO SOALAN :33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.11.2017

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) mengapakah Kerajaan tidak bercadang memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) untuk mengurangkan beban rakyat; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meringankan beban dan kos sara hidup rakyat yang disebabkan oleh perlaksanaan GST dan harga petrol yang tidak stabil dan melampau tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah pelaksanaan GST telah dibuat setelah Kerajaan menjalankan kajian yang terperinci bersama dengan agensi-agensi yang berkenaan. Pendekatan tersebut telah diambil bagi memastikan pelaksanaan GST dapat menyusun semula sistem cukai kepenggunaan di negara ini supaya menjadi lebih telus, cekap dan mesra peniaga. Struktur GST yang dilaksanakan telah mengambil kira antara lain kedudukan semasa sosio ekonomi rakyat Malaysia demi memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minimum kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Matlamat tersebut adalah paling utama bagi memastikan pelbagai barang dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Tambahan pula, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai pakej bantuan serentak dengan pelaksanaan GST untuk memastikan impak yang minimum kepada rakyat dan ini termasuklah pemberian BR1M. Dengan itu, ingin ditegaskan bahawa tidak ada cadangan untuk memansuhkan GST yang telah dilaksanakan sejak 1 April 2015. Apa yang menjadi keutamaan dan sentiasa diberi tumpuan adalah untuk memantapkan lagi layanan GST yang bersifat progresif dan dapat menyokong pembangunan negara dan mengekalkan daya saing dalam jangka panjang.
- 2) Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan kadar inflasi dan kenaikan harga barang

dan perkhidmatan serta mengurangkan impak terhadap kos sara hidup golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Kadar inflasi bagi 2016 adalah sebanyak 2.1%, sama seperti kadar inflasi pada tahun sebelumnya (2015: 2.1%). Walau bagaimanapun, kadar inflasi bagi sembilan bulan pertama 2017 telah meningkat kepada 4%, terutamanya disebabkan oleh kenaikan semula harga minyak mentah global yang seterusnya menyebabkan peningkatan harga runcit minyak petrol dalam negara. Khusus untuk menangani isu harga petrol dan diesel, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit produk petroleum dengan mengambil kira trend harga minyak mentah di peringkat global berdasarkan purata secara mingguan berbanding dengan purata secara bulanan bagi memastikan rakyat mendapat harga yang lebih berpatutan. Harga runcit produk petroleum selepas melaksanakan penetapan harga berdasarkan purata secara mingguan mulai 29 Mac 2017 telah menunjukkan pergerakan harga runcit yang lebih stabil. Dari segi layanan GST, produk RON 95 dan diesel tidak dikenakan GST. Secara perbandingan di kalangan negara ASEAN, harga runcit produk petroleum di Malaysia adalah merupakan yang terendah.

- 3) Secara amnya, terdapat pelbagai faktor lain yang turut mempengaruhi perubahan harga barang dan perkhidmatan di pasaran seperti faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor keadaan cuaca, kedudukan ekonomi global,

persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memberi tumpuan untuk membendung isu kenaikan harga barang bagi meringankan beban dan kos sara hidup rakyat. Pelbagai langkah kawalan harga serta inisiatif bagi memastikan banyak barang keperluan dapat ditawarkan pada harga yang berpatutan kepada pengguna. Antara langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah:

- i. menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993;
- ii. melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan;
- iii. melaksanakan Kempen Penurunan Harga;
- iv. membuka Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M);
- v. mengadakan program Kedai Harga Patut;
- vi. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna melalui Program Penyeragaman Harga dan Mobile KR1M;
- vii. membangunkan aplikasi Ez-ADU bagi menggalakkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan sebarang isu yang melibatkan kenaikan harga termasuk kegiatan manipulasi harga dan timbang sukatan; dan

viii. mewujudkan Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR) dan *Special Action Squad (SAS)* dalam usaha untuk menangani aduan rakyat dengan lebih berkesan.

4) Kerajaan juga telah membantu rakyat dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan seperti meningkatkan amaun pemberian BR1M serentak dengan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015. Terdapat pelbagai bantuan lain seperti bantuan persekolahan, baucer buku dan menyediakan rumah mampu milik untuk membantu meningkatkan taraf hidup golongan sasar. Melalui inisiatif tersebut, rakyat telah mendapat manfaat dalam membendung isu kenaikan harga barang keperluan harian.